

07/09/2002

Bahasa Inggeris, MCA hangat dibincang

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

PELANTIKAN lima ahli veteran termasuk bekas Setiausaha Agung MCA, Datuk Kam Woon Wah, sebagai Pengerusi Lembaga Disiplin terus menjadi tumpuan akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu lalu.

Kam dipetik Nanyang Siang Pau, Rabu lalu sebagai berkata, perkara utama yang perlu dilakukan oleh lembaga itu ialah menetapkan satu piawaian disiplin untuk menjelaskan kepada semua ahli parti itu, perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan.

Beliau berkata, sebaik saja piawaian itu mula dilaksanakan, semua masalah disiplin akan dapat diselesaikan dengan cepat tanpa wujud sebarang keadaan tergantung.

Katanya, piawaian itu harus dipatuhi oleh semua ahli termasuk pemimpin tertinggi parti kerana sebarang tindakan ahli terbatas kepada Perlembagaan MCA

Beliau berkata, lembaga dianggotai lima ahli veteran itu adalah adil, bebas serta tidak memihak kepada sesiapa dan kerja menetapkan piawaian itu perlu mengambil masa lama untuk disiapkan.

Khamis lalu, Kam dipetik Sin Chew Jit Poh sebagai berkata, beliau memberi jaminan kepada ahli MCA bahawa lembaga itu akan mengendalikan semua masalah disiplin secara adil dan saksama bagi mengukuhkan disiplin dalaman, melindungi imej serta maruah parti.

Beliau berkata, kelima-lima ahli Lembaga Disiplin tidak menyebelahi mana-mana pihak kerana mereka adalah veteran dan tiada sebarang kepentingan serta tidak berniat mendapat sebarang kedudukan dalam parti.

Katanya, dalam menetapkan piawaian disiplin MCA, pihaknya akan merujuk cara parti lain seperti Umno, Gerakan dan MIC, menetapkan disiplin masing-masing

Pada masa sama, Kam berkata, Lembaga Disiplin yang baru dilantik pada 29 Ogos lalu itu akan mengadakan mesyuarat pertamanya dalam tempoh satu atau dua minggu lagi.

Sementara itu, Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) masih membicarakan kemelut isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang mendapat tentangan sesetengah pihak.

Nesan, dalam editorialnya, berpendapat kerajaan, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak wajar tunduk kepada 'ancaman' mana-mana pihak dan menukar pendirian mengenai pelaksanaan dasar itu mulai tahun depan.

Kebanyakan negara, kata akhbar itu, khususnya kuasa besar baru seperti China selain beberapa negara Eropah, mula menyedari kepentingan bahasa Inggeris selaku bahasa perantaraan dalam usaha menuju globalisasi dan liberalisasi ekonomi serta teknologi perhubungan maklumat (ICT).

Akhbar itu juga melaporkan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, memberi sokongan penuh terhadap pelaksanaan dasar baru itu dengan syarat pengajaran bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda diberi kepentingan sewajarnya seperti menambah masa pengajaran dan kekerapan ia diajar.

Sementara itu, Nanban, pula mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan pengenalan dasar baru itu kepada golongan yang sedia menerima dan menggunakannya tanpa mengenakan sebarang paksaan kepada mereka yang enggan mengikutinya.

Akhbar itu berpendapat, jika dasar baru kerajaan itu terbukti berkesan, sudah tentu yang lain terpaksa mengakui kesalahan dan turut melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Yang penting, mereka

yang menentang dasar baru kerajaan itu tidak mewakili majoriti masyarakat dan pendapat mereka tidak wajar menjadi kayu pengukur terhadap sokongan rakyat kepada pelaksanaannya.

Akhbar itu turut mengingatkan Kementerian Pendidikan supaya mengotakan janji untuk memberi lebih keutamaan terhadap pengajaran bahasa Tamil, termasuk menambah tenaga pengajar dan meningkatkan tempoh pengajaran.